# MODUL LATIH TUBI

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**PMR**

**45/1**

**Kertas 1**

## MODUL LATIH TUBI
## TOPIKAL TINGKATAN DUA

Kertas Latih Tubi dan Skema ini mengandungi 31 halaman bercetak.

**[Lihat sebelah**

**BAHAGIAN TILAWAH AL-QURAN.**

**Ilmu Penyuluh Kehidupan.**

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ <u>وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ</u> وَأُوْلُواْ <u>ٱلۡعِلۡمِ</u> قَآئِمَۢا بِٱلۡقِسۡطِۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡعَزِيزُ
<u>ٱلۡحَكِيمُ</u> ١٨

Ayat di atas menerangkan tentang kepentingan ilmu.

a) Nyatakan pengertian kalimah bergaris.
b) Apakah maksud ilmu?
c) Apakah hukum menuntut ilmu?
d) Jelaskan tiga kelebihan orang yang berilmu.
e) Huraikan ciri-ciri orang yang berilmu.
f) Terangkan dua peranan ilmu dalam melahirkan individu cemerlang.
g) Jelaskan dua cara untuk mendapat ilmu.

**Menginsafi Kekuasaan Allah SWT**

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلۡمُلۡكِ <u>تُؤۡتِي</u> ٱلۡمُلۡكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ <u>ٱلۡمُلۡكَ</u> مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ
وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُۖ بِيَدِكَ <u>ٱلۡخَيۡرُۖ</u> إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٦

a) Nyatakan pengertian kalimah bergaris.
b) Berikan maksud kekuasaan Allah SWT.
c) Jelaskan dua sebab manusia mendapat kemuliaan.
d) Mengapakah manusia mendapat kehinaan daripada Allah?.
e) Huraikan cara menghargai nikmat Allah SWT.
f) Jelaskan akibat tidak menghargai nikmat Allah SWT.
g) Bagaimanakah Allah SWT menarik balik nikmat daripada orang yang tidak bersyukur?

**Menghargai Sunnatullah.**

تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِۖ وَتُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَتُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ
مِنَ ٱلۡحَيِّۖ وَتَرۡزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٢٧

Berdasarkan ayat di atas:

a) Nyatakan pengertian kalimah bergaris.
b) Apakah maksud sunnatullah?
c) Nyatakan hikmah kejadian siang dan malam.
d) Jelaskan proses kejadian manusia.
e) Terangkan hikmah proses kejadian manusia yang unik.
f) Huraikan maksud hidup di dunia sebagai jambatan ke akhirat.
g) Berikan dua contoh sunnatullah.

**Segera Bertaubat dan Beristighfar.**

۞ وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ
١٣٣ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ
يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٣٤ وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً أَوۡ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ ذَكَرُواْ ٱللَّهَ
فَٱسۡتَغۡفَرُواْ لِذُنُوبِهِمۡ وَمَن يَغۡفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمۡ يُصِرُّواْ عَلَىٰ مَا فَعَلُواْ وَهُمۡ
يَعۡلَمُونَ ١٣٥ أُوْلَٰٓئِكَ جَزَآؤُهُم مَّغۡفِرَةٞ مِّن رَّبِّهِمۡ وَجَنَّٰتٞ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَنِعۡمَ أَجۡرُ ٱلۡعَٰمِلِينَ ١٣٦

Berdasarkan ayat di atas.

a) Berikan pengertian kalimah bergaris..
b) Nyatakan ciri-ciri orang yang bertakwa.
c) Jelaskan maksud taubat.
d) Nyatakan cara-cara bertaubat dengan hati dan tindakan.
e) Terangkan kesan taubat terhadap individu.
f) Mengapakah kita digalakkan segera bertaubat?
g) Jelaskan dua kebaikan mengamalkan taubat kepada masyarakat.

**Mencontohi Dakwah Rasulullah S.A.W.**

فَبِمَا رَحۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمۡۖ وَلَوۡ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلۡقَلۡبِ لَٱنفَضُّواْ مِنۡ حَوۡلِكَۖ فَٱعۡفُ
عَنۡهُمۡ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمۡ وَشَاوِرۡهُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِۖ فَإِذَا عَزَمۡتَ فَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلۡمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

Berdasarkan ayat di atas:

a) Nyatakan pengertian kalimah bergaris.
b) Senaraikan sifat dakwah Rasulullah S.A.W.
c) Nyatakan dua kelebihan orang yang bersifat pemaaf.
d) Jelaskan dua kebaikan mesyuarat dalam memutuskan sesuatu keputusan.
e) Berikan maksud tawakkal.
f) Jelaskan kepentingan bertawakkal.
g) Apakah kesan buruk bertawakal tanpa usaha dan ikhtiar.

## SKEMA JAWAPAN

## BAHAGIAN TILAWAH AL-QURAN.

| Ilmu Penyuluh Kehidupan. | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud kalimah :<br>- Malaikat.<br>- Ilmu.<br>- Bijaksana. |
| b) | Maksud Ilmu:<br>Pengetahuan sebenar terhadap sesuatu perkara. |
| c) | Hukum menuntut ilmu ialah wajib |
| d) | Kelebihan orang yang berilmu:<br>- Diangkat darjat oleh Allah S.W.T.<br>- Dihormati oleh masyarakat.<br>- Memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat.<br>- Hidup mengikut syariat.<br>- Dapat melakukan ibadah mengikut syariat. |
| e) | Ciri-ciri orang yang berilmu:<br>- Mempunyai keyakinan diri iaitu tidak mudah terpengaruh dengan orang lain.<br>- Pintar bertindak dalam menyelesaikan sesuatu masalah.<br>- Beramal dengan ilmu yang dimiliki.<br>- Merendah diri walaupun mempunyai pelbagai kepakaran. |
| f) | Peranan ilmu dalam melahirkan individu cemerlang:<br>- Menjadikan individu melaksanakan ibadah kepada Allah dengan betul dan sah.<br>- Melahirkan individu yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu.<br>- Memberi keyakinan terhadap keesaan, kekuasaan dan kebijaksanaan Allah.<br>Isi = 1m Penerangan = 1m |
| g) | Cara untuk memperolehi ilmu:<br>- Melalui pembacaan.<br>- Mengikuti ceramah-ceramah atau kuliah-kuliah.<br>- Melalui kajian dan penyelidikan.<br>- Melayari internet. |

| Menginsafi Kekuasaan Allah SWT | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud kalimah :<br>- Engkau kurniakan / berikan.<br>- Kekuasaan.<br>- Kebaikan. |
| b) | Maksud kekuasaan Allah SWT ialah Tuhan yang memiliki kekuasaan sepenuhnya. |
| c) | Sebab manusia mendapat kemuliaan:<br>- Beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.<br>- Berbuat baik sesama manusia.<br>- Berusaha bersungguh-sungguh ke arah kebaikan.<br>- Berdoa, berusaha dan bertawakkal kepada Allah SWT. |
| d) | Sebab manusia mendapat kehinaan Allah SWT<br>- Tidak melaksanakan perintah Allah SWT.<br>- Melanggar larangan Allah SWT.<br>- Tidak menjaga hubungan baik sesama manusia.<br>- Malas berusaha dan tidak mahu berubah. |
| e) | Cara menghargai nikmat Allah SWT:<br>- Menggunakan nikmat Allah SWT untuk melaksanakan ibadat kepadaNya.<br>- Menggunakan nikmat Allah SWT dengan berhemah.<br>- Membantu orang yang memerlukan.<br>- Membelanjakan harta untuk menyara hidup keluarga. |
| f) | Akibat tidak menghargai nikmat Allah SWT:<br>- Kehidupan menjadi sia-sia.<br>- Kehidupan menjadi porak peranda.<br>- Negara hancur dan musnah.<br>- Berlaku pencemaran alam sekitar yang membahayakan kesihatan. |
| g) | Allah SWT menarik nikmat daripada orang yang tidak bersyukur dengan cara:<br>- Ditimpa pelbagai bala dan musibah.<br>- Ditimpa pelbagai penyakit dan kesusahan. |

| Menghargai Sunnatullah. | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud kalimah:<br>- Siang.<br>- Yang mati.<br>- Engkau memberi rezeki.<br>- Dihitung. |
| b) | Maksud sunnatullah ialah cara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terhadap makhluknya. |
| c) | Hikmah kejadian siang dan malam ialah:<br>- Memudahkan manusia menentukan masa, tarikh, hari dan tahun.<br>- Manusia dapat bekerja mencari rezeki pada waktu siang dan berehat pada waktu malam.<br>- Manusia dapat menjalankan aktiviti kemasyarakatan pada waktu siang dan aktiviti ibadah pada waktu malam.<br>- Makhluk dapat menjalani kehidupan dan aktiviti mengikut tabiat dan keperluan masing-masing. |
| d) | Proses kejadian manusia:<br>- Percantuman benih lelaki dan perempuan.<br>- Menjadi segumpal darah.<br>- Menjadi seketul daging.<br>- Menjadi tulang.<br>- Tulang dibaluti daging.<br>- Janin yang sempurna. |
| e) | Hikmah proses kejadian manusia:<br>- Manusia menyedari kelemahan diri mereka.<br>- Manusia dapat mengenal penciptanya.<br>- Dapat meningkatkan keimanan terhadap kekuasaan Allah SWT.<br>- Mengajar manusia supaya menjalani kehidupan dengan lebih berdisiplin dan berperancangan. |
| f) | Maksud hidup di dunia sebagai jambatan ke akhirat ialah:<br>- Hidup di dunia hanyalah sementara dan perlu mencari bekalan (amalan) ke akhirat untuk hidup kekal abadi.<br>- Kejayaan manusia bergantung sepenuhnya kepada sejauh mana pengabdian diri kepada Allah. |

| | |
|---|---|
| g) | Contoh-contoh sunnatullah:<br>- Kejadian pasang surut air laut.<br>- Proses pertumbuhan biji benih.<br>- Kejadian hujan.<br>- Proses fotosintesis tumbuh-tumbuhan. |

| **Segera Bertaubat dan Beristighfar.** | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud kalimah:<br>- Bagi orang yang bertakwa.<br>- Yang membelanjakan. |
| b) | Ciri-ciri orang yang bertakwa:<br>- Segera bertaubat apabila melakukan dosa<br>- Membelanjakan harta pada jalan Allah.<br>- Mengawal diri ketika marah.<br>- Memaafkan kesalahan orang lain. |
| c) | Maksud taubat ialah memohon keampunan Allah terhadap dosa yang dilakukan. |
| d) | Cara-cara bertaubat dengan:<br>Hati:<br>- Menyesali terhadap dosa yang dilakukan.<br>- Bertekad dan berazam untuk tidak mengulanginya.<br>Tindakan:<br>- Meninggalkan perbuatan dosa.<br>- Memulangkan hak orang lain.<br>- Memperbanyakkan amalan soleh. |
| e) | Kesan taubat terhadap individu ialah:<br>- Mendapat keampunan dan Rahmat Allah.<br>- Mendapat ketenangan jiwa.<br>- Bertambah iman dan amal soleh.<br>- Disayangidan dihormati oleh masyarakat. |
| f) | Kita digalakkan segera bertaubat kerana:<br>- Kita tidak mengetahui saat kematian.<br>- Supaya dosa yang dilakukan terampun.<br>- Supaya dapat menginsafi dosa yang dilakukan. |
| g) | Kebaikan taubat kepada masyarakat:<br>- Masyarakat hidup aman damai.<br>- Mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat.<br>- Wujud perasaan kasih sayang sesama anggota masyarakat. |

| Mencontohi Dakwah Rasulullah S.A.W. | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud kalimah :<br>- Maafkanlah.<br>- Maka bertawakkallah. |
| b) | Sifat dakwah Rasulullah ialah:<br>- Lemah lembut.<br>- Pemaaf.<br>- Memohon keampunan untuk orang lain.<br>- Bermesyuarat dalam menentukan sesuatu keputusan.<br>- Bertawakkal dalam pelaksanaan. |
| c) | Kelebihan orang yang bersifat pemaaf:<br>- Akan disenangi oleh rakan dan masyarakat.<br>- Mempunyai ramai kawan.<br>- Senang mendapat pertolongan.<br>- Disayangi Allah SWT. |
| d) | Kebaikan bermesyuarat:<br>- Keputusan memuaskan hati semua pihak.<br>- Mengelakkan berlakunya pergaduhan.<br>- Semua pihak dapat memberikan pendapat masing-masing<br>- Program dapat dilaksanakan dengan sempurna. |
| e) | Tawakkal ialah berserah diri kepada Allah SWT setelah berusaha dan berikhtiar dalam sesuatu perkara. |
| f) | Kepentingan bertawakkal:<br>- Sabar menghadapi kesulitan.<br>- Tenang dan tabah menerima kegagalan.<br>- Berusaha untuk meningkatkan kualiti kerja.<br>- Bersikap tawaduk apabila menerima kejayaan. |
| g) | Kesan buruk bertawakal tanpa usaha dan ikhtiar:<br>- Melahirkan individu yang malas berusaha.<br>- Hilang keyakinan tentang kebolehan diri.<br>- Sesuatu yang dihajati tidak akan tercapai.<br>- Sentiasa mengharapkan bantuan orang lain. |

## BAHAGIAN HADIS

### Sedekah Pemangkin Kesejahteraan

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ،قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ( ص ) كُلُّ سُلاَمَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ
كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيْهِ الشَّمْسُ، تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِثْنَيْنِ صَدَقَةُ، وَتُعِيْنُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا
أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّـــبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خَطْوَةٍ تَمْشِيْهَا إِلَى الصَّلَاةِ
صَدَقَةٌ، وَتُمِيْطُ الْأَذَىْ عَنِ الطَّرِيْقِ صَدَقَةٌ.  (رَوَاهُ بُخَارِيْ وَمُسْلِمْ )

a) Nyatakan pengertian kalimah yang bergaris.
b) Terangkan dua amalan sedekah yang terdapat di dalam hadis di atas
c) Jelaskan dua adab bersedekah seperti yang dianjurkan oleh Islam.
d) Jelaskan kebaikan yang akan diperolehi jika umat Islam beramal dengan potongan hadis berikut: الكلمة الطيبة
e) Terangkan dua kesan buruk bersifat bakhil.
f) Berikan dua contoh sedekah selain harta dan wang.
g) Nyatakan dua jenis sedekah yang berkekalan hingga hari kiamat.
h) Nyatakan dua langkah untuk membasmi peminta sedekah.
i) Jelaskan dua hikmah sedekah kepada pemberi sedekah.

## BAHAGIAN HADIS

| Sedekah Pemangkin Kesejahteraan | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud kalimah :<br>Perkataan yang baik. |
| b) | Dua amalan sedekah dalam hadis:<br>- Membantu orang yang menaiki kenderaan.<br>- Mengangkat barang untuknya ke dalam kenderaan.<br>- Melakukan keadilan diantara dua orang yang berselisih faham.<br>- Langkahan kaki ke tempat solat .<br>- Membuang perkara yang menyakiti di jalan. |

| | |
|---|---|
| c) | Dua adab bersedekah:<br>- Ikhlas tanpa mengharapkan balasan.<br>- Tidak mengungkit-ungkit sedekah yang diberikan.<br>- Menunjukkan muka yang manis semasa menghulurkan<br>- sedekah.<br>- Bersedekah daripada sumber yang halal dan terbaik. |
| d) | Kebaikan beramal dengan kalimahالكلمة الطيبة<br>- Mendapat keberkatan daripada Allah<br>- Dikasihi dan dihormati masyarakat.<br>- Jasa dikenang sepanjang zaman.<br>- Membentuk masyarakat penyayang dan bantu membantu.<br>- Menyelesaikan masalah ekonomi di kalangan sanak saudara. |
| e) | Dua kesan buruk bersifat bakhil.<br>- Tidak mendapat keberkatan daripada Allah.<br>- Dibenci dan tidak dihormati masyarakat.<br>- Melahirkan individu yang pentingkan diri sendiri. |
| f) | Dua contoh sedekah bukan dengan harta dan wang.<br>- Memberikan senyuman<br>- Memberikan bantuan tenaga.<br>- Mengucapkan kata-kata yang baik. |
| g) | Dua jenis sedekah yang berkekalan hingga hari kiamat<br>- Sedekah jariah<br>- Ilmu yang dimanfaatkan. |
| h) | Langkah untuk membasmi peminta sedekah.<br>- Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan.<br>- Menguatkuasakan undang-undang melarang meminta sedekah.<br>- Mengadakan kempen kesedaran “tangan yang memberi lebih baik daripada yang menerima” |
| i) | Dua hikmah sedekah kepada pemberi:<br>- Membentuk diri menjadi seorang yang dermawan.<br>- Membina sifat belas ehsan kepada golongan miskin.<br>- Melahirkan rasa syukur kepada Allah atas nikmatNya.<br>- Mendapat ganjaran pahala. |

## BAHAGIAN AKIDAH

### Ar-Rahman: Allah Maha Pemurah.

a) Nyatakan bukti Allah swt. bersifat dengan sifat Ar-Rahman.
b) Jelaskan kesan beriman dengan sifat Ar-Rahman.
c) Terangkan amalan yang bertentangan dengan sifat Ar-Rahman.
d) Bezakan antara sifat pemurah Allah dengan pemurah manusia.

### Ar-Rahim: Allah Maha Penyayang.

a) Apakah pengertian Ar-Rahim.
b) Jelaskan tanda-tanda Allah swt. bersifat Ar-Rahim.
c) Terangkan dua cara yang membuktikan anda mengasihi dan menyayangi sesama manusia.
d) Nyatakan perbezaan antara sifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim bagi Allah.

### Al-Hakim: Allah Maha Bijaksana.

a) Apakah maksud Al-Hakim?
b) Jelaskan dua tanda Allah swt bersifat Al-Hakim.
c) Nyatakan dua kesan beriman dengan Al-Hakim.
d) Jelaskan amalan yang bercanggah dengan konsep Al-Hakim.

### Al-Alim: Allah Maha Mengetahui.

a) Apakah maksud Al-Alim?
b) Terangkan dua kesan beriman dengan al-Alim.
c) Berikan dua perbezaan antara ilmu Allah swt. dengan ilmu manusia:
d) Terangkan dua amalan yang menunjukkan seseorang pelajar itu bersifat dengan sifat yang berlawanan dengan Al-'Alim.

### Beriman Dengan Kitab-kitab Suci

a) Al-Quran diturunkan kepada nabi Muhammad saw. melalui tiga peringkat. Nyatakan peringkat-peringkat tersebut.
b) Terangkan tiga hikmah al-Quran diturunkan beransur-ansur selama 23 tahun.
c) Nyatakan rasul-rasul yang mempunyai Kitab dan Suhuf.
d) Jelaskan tiga perbezaan di antara Kitab dengan Suhuf.
e) Kandungan al-Quran adalah lengkap dan menyeluruh, merangkumi aspek kehidupan manusia dunia dan akhirat. Nyatakan tiga perkara yang terkandung di dalam al-Quran.
f) Jelaskan tiga hujah al-Quran sebagai mukjizat kepada nabi Muhammad SAW.
g) Terangkan tiga akibat jika tidak mengikuti ajaran al-Quran.

## BAHAGIAN AKIDAH

<table>
<tr><th colspan="2">Ar-Rahman: Allah Maha Pemurah.</th></tr>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Contoh Jawapan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Bukti Allah SWT bersifat ar-Rahman:<br>- Mengurniakan rezeki kepada manusia.<br>- Mengurniakan tubuh badan yang sihat<br>- Mengurniakan pancaindera kepada manusia<br>- Mengurniakan kepada manusia ilmu pengetahuan.</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Kesan beriman kepada sifat ar-Rahman :<br>- Lahir sikap pemurah kepada orang lain.<br>- Bersikap merendah diri walaupun memiliki kekayaan.<br>- Menggunakan nikmat kurniaan Allah ke jalan kebaikan.<br>- Melahirkan sifat kasih sayang sesama makhluk.</td></tr>
<tr><td>c)</td><td>Amalan yang bertentangan dengan sifat ar-Rahman:<br>- Bersikap bakhil.<br>- Bersifat ganas terhadap makhluk lain.<br>- Merosakkan alam sekitar.<br>- Berputus asa daripada rahmat Allah SWT.</td></tr>
<tr><td>d)</td><td>Perbezaan antara sifat pemurah Allah SWT dan pemurah manusia:
<table>
<tr><th>Pemurah Allah</th><th>Pemurah Manusia</th></tr>
<tr><td>Tidak terbatas.</td><td>Terbatas.</td></tr>
<tr><td>Allah memberi nikmat kepada semua hambaNya.</td><td>Memberi mengikut kemampuan dan perkiraan.</td></tr>
<tr><td>Memberi untuk menguji keimanan manusia</td><td>Memberi mengikut kepentingan dan manfaat.</td></tr>
<tr><td>Merangkumi aspek dunia dan akhirat.</td><td>Merangkumi aspek dunia sahaja.</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">Ar-Rahim: Allah Maha Penyayang</th></tr>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Contoh Jawapan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Maksud al-Rahim ialah :<br>- Allah Maha Penyayang.</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Tanda-tanda Allah SWT bersifat ar-Rahim:<br>- Menurunkan al-Quran sebagai panduan manusia<br>- Mengutuskan rasul untuk menyampaikan dakwah kepada manusia<br>- Menyediakan syurga bagi mereka yang taat<br>- Memberi pahala bagi mereka yang melakukan amal ibadat dan kebaikan.</td></tr>
<tr><td>c)</td><td>Cara mengasihi dan menyayangi sesama manusia:<br>- Ziarah menziarahi ketika sakit.<br>- Bertanya khabar dan beramah mesra.<br>- Menghulurkan bantuan ketika kesusahan.<br>- Nasihat menasihati untuk kebaikan.</td></tr>
<tr><td>d)</td><td>Perbezaan antara sifat ar-Rahman dan ar-Rahim:<br><table><tr><th>Ar-Rahman</th><th>Ar-Rahim</th></tr><tr><td>Diberikan kepada semua hambanya samada beriman atau kafir</td><td>Dikhususkan kepada orang yang beriman sahaja.</td></tr><tr><td>Memberi nikmat berbentuk keduniaan seperti rezeki, pangkat, kesihatan dan lain-lain.</td><td>Memberi nikmat berbentuk keakhiratan seperti iman, Islam, syurga dan sebagainya.</td></tr></table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">Al-Hakim: Allah Maha Bijaksana.</th></tr>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Contoh Jawapan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Maksud al-Hakim ;<br>Allah Maha Bijaksana.</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Dua tanda Allah bersifat Al-Hakim:<br>- Cap jari manusia<br>- Pokok-pokok yang menghijau<br>- Penciptaan langit dan bumi.<br>- Penciptaan laut dan sungai.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| c) | Dua kesan beriman dengan Al-Hakim:<br>- Bijak membahagikan masa untuk perkara yang baik dan berfaedah.<br>- Menghargai setiap ciptaan Allah dan menggunakannya ke arah kebaikan.<br>- Pandai mengurus kerja mengikut keutamaan.<br>- Menghargai nikmat akal. |
| d) | Dua amalan yang bercanggah dengan al-Hakim:<br>- Memandang rendah terhadap orang yang berilmu.<br>- Malas berfikir.<br>- Banyak berkhayal dan berangan-angan.<br>- Menyalahgunakan nikmat akal dengan melakukan kejahatan. |

<table>
<tr><th colspan="2">Al-Alim: Allah Maha Mengetahui.</th></tr>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Contoh Jawapan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Maksud al-Alim ialah ;<br>Allah Maha Mengetahui.</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Kesan beriman dengan al-Alim:<br>- Sentiasa merendah diri dengan kebesaran Allah SWT.<br>- Berusaha menambahkan ilmu pengetahuan.<br>- Tidak sombong dan kedekut dengan ilmu yang ada padanya.</td></tr>
<tr><td>c)</td><td>Perbezaan antara antara ilmu Allah SWT dengan ilmu manusia:
<table>
<tr><th>Ilmu manusia</th><th>Ilmu Allah</th></tr>
<tr><td>-Pengetahuan manusia terbatas.</td><td>-Pengetahuan Allah tidak terbatas</td></tr>
<tr><td>-Manusia hanya mengetahui perkara yang telah dan sedang berlaku.</td><td>Allah mengetahui perkara yang telah,sedang dan akan berlaku.</td></tr>
<tr><td>-Ilmu diperolehi melalui kajian.</td><td>-Ilmu Allah telah sedia ada</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>d)</td><td>Dua amalan yang menunjukkan seseorang pelajar itu bersifat dengan sifat yang berlawanan dengan Al-’Alim<br>- Belajar secara sambil lewa.<br>- Tidak jujur dalam melakukan kebaikan.<br>- Sombong apabila mendapat kepandaian.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">Beriman Dengan Kitab-kitab Suci.</th></tr>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Contoh Jawapan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Peringkat penurunan Al-Quran:<br>- Daripada Allah SWT ke Luh Mahfuz<br>- Dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah / langit dunia<br>- Dari langit dunia kepada Nabi Muhammad SAW selama 23 tahun.</td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Tiga hikmah al-Quran diturunkan beransur-ansur selama 23 tahun.<br>- Memudahkan Rasulullah menyampaikan dengan lebih berkesan.<br>- Memudahkan umat Islam memahami, mengahafal dan mengamalkan ajaran Islam.<br>- Tidak menimbulkan kejutan kepada masyarakat ketika itu tentang kandungan al-Quran.</td></tr>
<tr><td>c)</td><td>Rasul-rasul yang mempunyai Kitab dan Suhuf.<br>a) <u>Kitab</u>;<br>- Zabur – Nabi Daud a.s<br>- Taurat – Nabi Musa a.s.<br>- Injil – Nabi Isa a.s.<br>- Al-Quran – Nabi Muhammad SAW.<br>b) <u>Suhuf</u>;<br>- Nabi Ibrahim a.s. – 10 suhuf.<br>- Nabi Musa a.s. – 10 suhuf.<br>- Nabi Sith a.s. – 50 suhuf.<br>- Nabi Idris a.s. – 30 suhuf.</td></tr>
<tr><td>d)</td><td>Tiga perbezaan di antara Kitab dengan Suhuf:<br><table><tr><th>Kitab</th><th>Suhuf</th></tr><tr><td>- Empat buah sahaja.</td><td>- Seratus suhuf.</td></tr><tr><td>- Isi kandungan lengkap meliputi semua aspek kehidupan</td><td>- Isi kandungannya mengenai hukum- hukum dasar sahaja.</td></tr><tr><td>- Berbentuk sebuah kitab yang tersusun.</td><td>- Berbentuk lembaran kertas yang ringkas.</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>e)</td><td>Tiga perkara yang terkandung di dalam al-Quran:<br>- Akidah.<br>- Ibadat.<br>- Akhlak.<br>- Munakahat.<br>- Jenayah dan lain-lain lagi.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| f) | Tiga hujah al-Quran sebagai mukjizat kepada nabi Muhammad SAW:<br>- Tiada siapa yang mampu membuat dan menandingi al-Quran.<br>- Isi kandungan al-Quran terjamin kebenaran, keaslian dan tidak mengalami perubahan.<br>- Al-Quran memberitahu perkara-perkara yang akan berlaku.<br>- Keindahan susunan dan gaya bahasa al-Quran tiada tandingan. |
| g) | Tiga akibat jika tidak mengikuti ajaran al-Quran:<br>- Hidup dalam kesesatan.<br>- Jiwa tidak tenteram.<br>- Jauh daripada rahmat Allah SWT.<br>- Mudah melakukan dosa dan kemaksiatan. |

**BAHAGIAN IBADAH**

**Puasa Menjana Keperibadian Muslim.**

a) Nyatakan maksud puasa.
b) Senaraikan rukun puasa.
c) Senaraikan perkara-perkara yang membatalkan puasa.
d) Terangkan cara menentukan puasa Ramadhan.
e) Jelaskan syarat-syarat wajib puasa.
f) Nyatakan syarat-syarat sah puasa.
~~f)~~g) Bagaimanakah ibadah puasa dapat memberi faedah terhadap kesihatan seseorang?
~~g)~~h) Terangkan maksud perkara-perkara berikut:
  i) Qada' puasa
  ii) Fidyah puasa
~~h)~~i) Nyatakan tiga golongan yang diharuskan berbuka puasa dalam bulan Ramadhan
~~i)~~j) Senaraikan golongan yang diwajibkan:
  i. Qada'
  ii. Fidyah
  iii. Qada' dan Fidyah
  iv. Qada' dan Kafarah
~~j)~~k) Jelaskan amalan-amalan sunat ketika berpuasa.
~~k)~~l) Terangkan perkara-perkara makruh ketika berpuasa.
~~l)~~m) Terangkan tiga kelebihan orang yang berpuasa.
~~m)~~n) Jelaskan keistimewaan bulan Ramadhan.
~~n)~~o) Nyatakan hari-hari yang disunatkan berpuasa dan diharamkan berpuasa.

## BAHAGIAN IBADAT

| Puasa Menjana Keperibadian Muslim | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Puasa ialah:<br>Menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari beserta niat. |
| b) | Rukun Puasa:<br>- Niat.<br>- Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa. |
| c) | Perkara yang membatalkan puasa:<br>- Memasukkan sesuatu ke dalam rongga dengan sengaja<br>- Melahirkan anak<br>- Pengsan sepanjang hari<br>- Bersetubuh di siang hari<br>- Muntah dengan sengaja<br>- Gila<br>- Keluar darah haid dan nifas<br>- Mengeluarkan air mani dengan sengaja<br>- Murtad |
| d) | Cara menentukan Puasa Ramadhan:<br>- Rukyah.<br>- Hisab. |
| e) | Syarat Wajib Puasa:<br>- Islam.<br>- Berakal<br>- Baligh<br>- Mampu Berpuasa |
| f) | Syarat Sah Puasa:<br>- Islam<br>- Berakal dan mumayyiz.<br>- Suci daripad haid dan nifas.<br>- Berniat waktu malam.<br>- Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa.<br>- Berpuasa pada hari-hari yang diharuskan. |

| | |
|---|---|
| g) | Faedah puasa terhadap kesihatan seseorang:<br>- Bersihkan perut daripada makanan yang berlebihan<br>- Memberikan kerehatan kepada usus perut.<br>- Banyak penyakit berpunca daripada makanan yang berlebihan.<br>- Menyihatkan badan. |
| h) | <u>i) Maksud Qada' Puasa:</u><br>Mengerjakan semula ibadah puasa yang ditinggalkan pada hari yang lain (selain bulan Ramadhan)<br><br><u>ii) Maksud Fidyah Puasa:</u><br>Menggantikan puasa yang ditinggalkan dengan membayar secupak makanan asasi bagi satu hari puasa yang ditinggalkan. |
| i) | Golongan yang harus berbuka puasa:<br>- Orang musafir<br>- Orang sakit yang boleh memudaratkan diri jika berpuasa<br>- Perempuan yang mengandung<br>- Tersangat lapar atau dahaga yang membahayakan dirinya<br>- Bekerja berat sepanjang tahun<br>- Orang tua yang tidak mampu berpuasa. |
| j) | (see table below) |

j)

| **Hukum** | **Golongan** |
|---|---|
| i) Wajib qada' | - Musafir<br>- Sakit yang memudaratkan<br>- Haid<br>- Nifas dan wiladah<br>- Perempuan yang mengandung dan menyusukan anak kerana bimbangkan kesihatan dirinya. |
| ii) Wajib Fidyah | - Sakit yang tiada harapan sembuh<br>- Bekerja berat<br>- Orang tua yang tidak berdaya untuk berpuasa |
| iii) Wajib Qada' dan Fidyah | - Perempuan mengandung kerana bimbang kesihatan diri dan kandungan<br>- Perempuan menyusukan anak kerana bimbangkan kesihatan diri dan anaknya.<br>- Lewat mengqada' puasa hingga tiba Ramadhan berikutnya |
| iv) Wajib Qada' dan Kaffarah | - lelaki yang melakukan persetubuhan dengan sengaja di siang hari dalam bulan Ramadhan |

| | |
|---|---|
| k) | Amalan-amalan sunat ketika berpuasa:<br>- Segera berbuka puasa setelah yakin masuk waktu.<br>- Bersahur serta melewatkannya.<br>- Berbuka dengan benda-benda manis.<br>- Membanyakkan membaca al-Quran dan berzikir.<br>- Mandi junub ( hadas besar) sebelum terbit fajar.<br>- Solat sunat Tarawih. |
| l) | Perkara-perkara makruh ketika berpuasa:<br>- Mengosok gigi selepas gelincir matahari.<br>- Terlalu kerap atau lama mandi.<br>- Merasa makanan dengan lidah.<br>- Mengambil darah atau berbekam.<br>- Berkumur-kumur berlebih-lebihan. |
| m) | Kelebihan orang yang berpuasa:<br>- Melatih diri bersifat jujur dan ikhlas.<br>- Membentuk insan yang bertakwa yang taat perintah Allah.<br>- Melahirkan keinsafan di atas penderitaan fakir miskin.<br>- Mendidik jiwa mengawal nafsu. |
| n) | Keistimewaan bulan Ramadhan:<br>- Bergembira ketika berbuka.<br>- Diampunkan dosa yang lalu.<br>- Allah SWT sendiri memberi pahala kepada orang yang berpuasa.<br>- Dikurnikan pahala 700 kali ganda.<br>- Dikabulkan doa.<br>- Bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi daripada kasturi.<br>- Masuk syurga melalui pintu al- Rayyan.<br>- Terdapat Lailatul Qadar. |
| o) | <u>Hari-hari yang disunatkan berpuasa.</u><br>- Hari Isnin dan Khamis.<br>- Puasa 6 hari dalam bulan Syawal.<br>- Puasa hari Arafah iaitu 9 Zulhijjah.<br>- Nisfu Syaaban iaitu 15 Syaaban.<br>- 27 Rejab iaitu hari peristiwa Isra' dan Mikraj.<br>- Puasa pada setiap 13, 14 dan 15 haribulan Hijriah (Hari putih).<br>- Puasa pada setiap 28, 29 dan 30 haribulan Hijriah (Hari hitam).<br>- Puasa 9 dan 10 Muharram.<br><br><u>Hari-hari yang diharamkan berpuasa</u>.<br>- 1 Syawal iaitu Hari Raya Puasa (Idul Fitri).<br>- Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.<br>- Hari Syak 30 Sya'ban. |

## BAHAGIAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM.

### Saidina Umar bin Al-Khattab ra Pentadbir Yang Ulung.

a) Apakah gelaran yang diterima oleh Saidina Umar al-Khattab ra setelah memeluk Islam dan mengapakah beliau digelar sedemikian?
b) Jelaskan dua contoh keberanian Saidina Umar al-Khattab ra setelah memeluk Islam.
c) Terangkan tiga sumbangan Saidina Umar al-Khattab ra di dalam pentadbiran Islam.
d) Jelaskan sumbangan Saidina Umar ra dalam pembangunan negara.
e) Di antara sumbangan Saidina Umar ialah mengasaskan undang-undang Hisbah, Jelaskan maksud undang-undang tersebut.

### Saidina Usman bin Affan ra Korporat Yang Dermawan.

Saidina Usman ra memiliki sifat peribadi yang mulia yang patut dicontohi oleh umat Islam masa kini.

a) Nyatakan dua sifat beliau yang perlu kita contohi.
b) Apakah gelaran yang diberikan kepada beliau?
c) Mengapa beliau digelar sedemikian?
d) Saidina Usman b. Afffan r.a adalah sahabat yang paling banyak melaburkan hartanya untuk Islam.Jelaskan dua bukti pernyataan di atas.
e) Jelaskan faktor yang mendorong semangat jihad Saidina Usman ra.
f) Antara sumbangan Saidina Usman ialah menyusun dan membukukan Al-Quran. Jelaskan kebaikan usaha tersebut.

### Saidina Abu Hurairah ra Perawi Hadis.

a) Nyatakan dengan ringkas riwayat hidup Saidina Abu Hurairah ra
b) Terangkan dua bukti Saidina Abu Hurairah ra seorang yang taat kepada Allah dan sayang kepada ibu
c) Jelaskan sumbangan Abu Hurairah ra terhadap periwayatan hadis
d) Huraikan tiga faktor penting menyebabkan beliau cemerlang dalam periwayatan hadis.
e) Huraikan bagaimana ketekunan dan ketabahan Abu Hurairah ra boleh dijadikan contoh dalam menghadapi ujian semasa menuntut ilmu.
f) Berapakah bilangan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra?

**Persaudaraan Antara Muhajirin dan Ansar**

a) Kemukakan dua bukti pengorbanan Muhajirin dan Ansar
b) Jelaskan dua pengajaran yang dapat diambil daripada persaudaraan kaum Muhajirin dan Ansar
c) Bagaimanakah cara Rasulullah SAW mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar?
d) Jelaskan asas-asas dalam membentuk perpaduan dan persaudaraan Islam.

## BAHAGIAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM.

| **Saidina Umar Al-Khattab Pentadbir Yang Ulung** | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Gelarannya : al-Faroq yang bermaksud pemisah antara yang benar dan yang batil kerana ketegasan beliau dalam mengamalkan hukum-hukum Islam. |
| b) | Dua contoh keberanian Saidina Umar al-Khattab ra setelah memeluk Islam:<br>- Menunaikan solat secara terang-terangan di khalayak ramai.<br>- Beliau mengisytiharkan keislamannya secara terbuka.<br>- Beliau mencabar penduduk Mekah, sesiapa yang berani menghalang perjalanannya ke Madinah. |
| c) | Tiga sumbangan Saidina Umar Al-khatab di dalam pentadbiran Islam :<br>- Mengemaskini Majlis Syura.<br>- Perlantikan gabenor di setiap wilayah.<br>- Memperkenalkan sistem pos.<br>- Menyusun tangga gaji pekerja<br>- Mengasaskan takwim Islam (Hijriah). |
| d) | Sumbangan Saidina Umar ra dalam pembangunan negara :<br>- Mengemaskini intitusi Baitulmal.<br>- Menggalakan penerokaan kawasan baru untuk dijadikan tanah pertanian dan membina saliran air.<br>- Mendirikan rumah persinggahan musafir.<br>- Membina sekolah rendah untuk mendidik anak orang yang baru memeluk Islam. |
| e) | Maksud Hisbah ialah: Undang-undang jual beli di pasar. |

| Saidina Usman bin Affan Korporat Yang Dermawan. | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Dua sifat Saidina Usman ra yang perlu dicontohi :<br>- Taat pada perintah Allah dan Rasul<br>- Takut kepada Allah<br>- Malu dan lemah – lembut |
| b) | Beliau digelar Zu Nurain. |
| c) | Kerana berkahwin dengan dua orang puteri Rasulullah SAW iaitu Roqiyyah dan Ummu Kalsum. |
| d) | Bukti Saidina Usman ra bersifat dermawan :<br>- Membeli perigi ” Raumah ” dengan harga 35 000 dirham dan menyedekahkan untuk kegunaan ramai<br>- Membeli sebidang tanah bagi membesarkan masjid Nabawi<br>- Memerdekakan hamba pada hari Jumaat setiap minggu<br>- Mendermakan sebanyak 300 ekor unta dan 10 000 dinar untuk kegunaan tentera Islam dalam perang Tabuk. |
| e) | Faktor mendorong semangat jihad Saidina Usman:<br>- Keimanan yang kukuh kepada Allah SWT.<br>- Sayang dan cintakan Islam.<br>- Minat yang tinggi untuk berdakwah.<br>- Memiliki harta yang banyak. |
| f) | Kebaikan pengumpulan Al-Quran:<br>- Memelihara kesahihan dan keaslian ayat-ayat Al-Quran.<br>- Mengelak berlakunya penyelewengan terhadap Al-Quran.<br>- Supaya ayat-ayat Al-Quran tidak hilang dari ingatan huffaz. |

| Saidina Abu Hurairah Perawi Hadis. | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Riwayat hidup Saidina Abu Hurairah ra<br>- Abdul Rahman b. Sahar al-Dusi al-Yamani<br>- Tempat lahir di Dus negeri Yaman<br>- Tarikh lahir 19 tahun sebelum hijrah<br>- Tarikh memeluk Islam 7 hijrah<br>- Gelaran Abu Hurairah<br>- Wafat 59 hijrah berumur 78 tahun |

| | |
|---|---|
| b) | Dua bukti Abu Hurairah ra seorang yang taat kepada Allah SWT:<br>- Semasa beliau berada di dalam kesusahan , beliau sentiasa taat kepada perintah Allah.<br>- Semasa beliau hidup dalam kesenangan, beliau tekun beribadat seperti berpuasa sunat dan berqiamullail.<br><br>Dua bukti Abu Hurairah ra seorang yang sayang kepada ibu:<br>- Beliau meminta Rasulullah mendoakan ibunya agar memeluk agama Islam .<br>- Beliau sentiasa menolong dan berbakti kepada ibunya |
| c) | Sumbangan Abu Hurairah ra terhadap periwayatan hadis<br>- Meriwayatkan hadis sebanyak 5374 hadis<br>- Mengembangkan Islam melalui hadis yang diriwayatkan oleh beliau<br>- 800 orang murid telah datang mempelajari hadis dari beliau<br>- Hadis yang diriwayatkan oleh beliau didapati di dalam kitab hadis seperti Sohih al-Bukhari, Sohih Muslim dan Sunan Abi Daud |
| d) | Tiga faktor penting menyebabkan beliau cemerlang dalam periwayatan hadis<br>- Kerajinan dalam menghadiri majlis ilmu bersama para sahabat<br>- Ketekunan beliau menyebarkan hadis kepada orang ramai<br>- Keberkatan doa nabi agar beliaumudah menghafaz hadis |
| e) | Ketekunan dan ketabahan yang boleh dicontohi<br>- Berminat dan tekun dalam menuntut ilmu<br>- Sentiasa mendampingi orang berilmu.<br>- Sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu |
| f) | Bilangan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ialah 5374. |

| **Persaudaraan antara Muhajirin dan Ansar.** | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Dua bukti pengorbanan Muhajirin dan Ansar<br>*Muhajirin*<br>- Sanggup meninggalkan kaum kerabat dan kampung halaman<br>- Sanggup menghadapi pelbagai kesukaran di madhinah<br>- Sanggup menghadapi pelbagai ujian ketika berhijrah<br>*Ansar*<br>- Memberi tempat tinggal,harta kepada Muhajirin<br>- Mengahwinkan keluarga mereka dengan golongan Muhajirin<br>- Melindungi Rasulullah dengan nyawa dan harta benda mereka. |

| | |
|---|---|
| b) | Dua pengajaran yang dapat diambil daripada persudaraan Muhajirin dan Ansar;<br>- Sentiasa bekerjasama untuk tujuan kebaikan.<br>- Mewujudkan suasana kasih sayang sehingga merapatkan<br>- hubungan kekeluargaan dan persaudaraan.<br>- Sanggup berkorban segala-galanya untuk Islam.<br>- Melahirkan sikap tolong menolong di kalangan umat Islam |
| c) | Cara Rasulullah mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar<br>Dengan memperkenalkan sistem saudara angkat iaitu setiap orang Muhajirin akan mempunyai saudara angkat daripada golongan Ansar |
| d) | Asas-asas membentuk perpaduan dan persaudaraan Islam:<br>- Kepatuhan kepada Allah dan Rasul.<br>- Mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar.<br>- Mengutamakan kepentingan Islam melebihi daripada yang lain.<br>- Berasaskan matlamat yang jelas untuk mencapai keredhaan Allah. |

**BAHAGIAN ADAB DAN AKHLAK ISLAMIAH.**

**Nikmat dan Musibah Ujian Kehidupan.**

a) Nyatakan pengertian nikmat dan musibah.
b) Senaraikan dua contoh nikmat dan musibah.
c) Terangkan cara anda menghadapi musibah yang menimpa diri anda.
d) Jelaskan kelebihan beradab ketika ditimpa musibah.
e) Jelaskan dua cara seseorang mukmin mensyukuri nikmat Allah SWT.
f) Huraikan dua akibat mereka yang tidak bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT.
g) Apakah yang perlu anda lakukan ketika mencapai keputusan cemerlang dalam PMR?

**Menjaga Maruah Diri.**

a) Apakah maksud maruah diri?
b) Nyatakan dua hikmah menjaga maruah diri.
c) Jelaskan sikap orang yang tidak menjaga maruah diri dalam pergaulan.
d) Nyatakan dua cara anda untuk menjaga maruah sebagai seorang pelajar.
e) Nyatakan dua ciri pakaian yang menepati kehendak Islam.
f) Jelaskan dua hikmah anda bertutur dengan kata-kata yang baik.
g) Jelaskan dua akibat mengabaikan tuntutan menjaga maruah diri.

**Memelihara Kesucian Masjid dan Surau.**

a) Nyatakan dua cara anda beradab untuk masuk ke masjid atau surau.
b) Apakah kelebihan anda menjaga adab di masjid dan surau?
c) Nyatakan fungsi masjid dan surau kepada umat Islam.
d) Jelaskan dua implikasi amalan-amalan negatif di masjid atau di surau.
e) Jelaskan adab ketika berada di dalam masjid.
f) Bagaimanakah anda beradab ketika keluar dari masjid.

**Memelihara Kesucian Mushaf.**

a) Berikan tiga adab terhadap mushaf al-Quran.
b) Nyatakan dua tujuan beradab terhadap mushaf al-Quran.
c) Jelaskan dua perkara yang menyalahi adab terhadap mushaf al-Quran.
d) Terangkan dua adab mencipta dan menjual seni khat al-Quran.
e) Bagaimanakah cara melupuskan al-Quran yang rosak atau sudah lama?

**Wawasan Beribadat.**

a) Nyatakan dua perbezaan antara ibadat dan adat.
b) Jelaskan adab beribadat yang diterima oleh Allah SWT.
c) Nyatakan dua hikmah memelihara adab beribadah.
d) Terangkan dua akibat meninggalkan adab beribadat.
e) Apakah sebab yang menjadikan seseorang itu tidak beradab ketika melakukan ibadat?

## BAHAGIAN ADAB

| **Nikmat dan Musibah Ujian Kehidupan** | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Pengertian nikmat: Segala bentuk kesenangan, keperluan dan keselesaan yang diterima oleh seseorang.<br>Pengertian musibah: Semua bentuk kesusahan, halangan dan kesulitan yang dihadapi oleh seseorang. |
| b) | <u>Contoh nikmat:</u><br>- Kesihatan.<br>- Makanan.<br>- Tempat tinggal.<br>- Keamanan. |

| | |
|---|---|
| | <u>Contoh Musibah:</u><br>- Kesakitan.<br>- Kelaparan.<br>- Kemalangan.<br>- -Kematian orang tersayang. |
| c) | Cara menghadapi musibah:<br>- bersabar<br>- tidak mudah putus asa<br>- berusaha menyelesaikan masalah<br>- berdoa dan bertawakkal kepada Allah |
| d) | Kelebihan beradab ketika ditimpa musibah:<br>- Mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah SWT.<br>- Bertambah keimanan.<br>- Mendapat gantian nikmat yang lebih baik.<br>- Dihormati oleh masyarakat. |
| e) | Cara mensyukuri nikmat Allah SWT:<br>- Hati - yakin bahawa nikmat yang diterima ialah kurniaan Allah SWT.<br>- Lisan - memuji dengan menyebut Alhamdulillah<br>- Amalan - gunakan nikmat ke jalan bermanfaat |
| f) | Dua akibat tidak bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT:<br>- Allah menarik balik nikmat<br>- Individu dan masyarakat menjadi mundur<br>- Di timpa kesusahan hidup. |
| g) | Perkara yang perlu dilakukan ketika mendapat keputusan cemerlang dalam PMR:<br>- Mengucapkan Alhamdulillah.<br>- Melakukan sujud syukur.<br>- Berterima kasih kepada ibubapa, guru-guru dan rakan-rakan. |

| **Menjaga Maruah Diri.** | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Maksud maruah diri ialah: harga dan nama baik diri |
| b) | Dua hikmah menjaga maruah diri:<br>- Hidup diberkati<br>- Mendapat petunjuk Allah<br>- Mendapat pahala |

| | |
|---|---|
| c) | Sikap orang yang tidak menjaga maruah diri dalam pergaulan:<br>- Suka berpakaian mendedah aurat<br>- Suka berbohong<br>- Suka menjatuhkan maruah orang lain |
| d) | Dua cara untuk menjaga maruah sebagai seorang pelajar:<br>- Beradab sopan dalam pergaulan<br>- Memberi salam ketika bertemu rakan/ guru<br>- Bercakap perkara yang berfaedah. |
| e) | .<br>Dua ciri pakaian yang menepati syariat Islam:<br>- Menutup aurat<br>- Tidak nipis<br>- Tidak ketat<br>- Tidak melambangkan agama lain |
| f) | .<br>Dua hikmah bertutur dengan kata-kata yang baik.<br>- Dihormati masyarakat<br>- Disayangi orang ramai<br>- Tidak menyakiti hati orang lain<br>- Dipandang mulia. |
| g) | Dua akibat mengabaikan tuntutan menjaga maruah diri:<br>- Kehidupan tidak diberkati<br>- Berdosa<br>- Dipulau / dihina oleh rakan dan masyarakat |

| **Memelihara Kesucian Masjid dan Surau** | |
|---|---|
| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
| a) | Dua adab memasuki masjid dan surau:<br>- Membuka kasut<br>- Mendahulukan kaki kanan<br>- Berdoa<br>- Mengucapkan salam |
| b) | Kelebihan menjaga adab di masjid dan surau:<br>- Mendapat keberkatan dan rahmat<br>- Mendapat balasan baik daripada allah<br>- Menarik minat orang bukan islam kepada ajaran islam |

| | |
|---|---|
| c) | Fungsi masjid dan surau kepada umat Islam:<br>- Pusat ibadat umat Islam<br>- Pusat perpaduan dan penyatuan umat Islam.<br>- Pusat pendidikan.<br>- Tempat persinggahan orang musafir. |
| d) | Dua implikasi amalan-amalan negatif di masjid atau di surau:<br>- Mendapat dosa dan kemurkaan Allah SWT<br>- Menjatuhkan maruah umat Islam<br>- Terhindar daripada mendapat rahmat Allah SWT. |
| e) | Adab ketika berada di dalam masjid ialah:<br>- Solat sunat tahiyyatul masjid.<br>- Berniat iktikaf.<br>- Duduk mengadap kiblat.<br>- Melakukan ibadah seperti berzikir dan membaca Al-Quran. |
| f) | Adab ketika keluar dari masjid:<br>- Keluar dengan perasaan tenang.<br>- Mendahulukan kaki kiri.<br>- Membaca doa keluar masjid.<br>- Berazam untuk datang semula. |

**Memelihara Kesucian Mushaf**

| **No. Soalan** | **Contoh Jawapan** |
|---|---|
| a) | .Tiga adab terhadap mushaf al-Quran<br>- Berwuduk ketika menulis, memegang dan membaca Al-Quran.<br>- memuliakan mashaf al-Quran dengan meletakkan di tempat yang tinggi.<br>- menutup aurat ketika membaca al-Quran. |
| b) | Dua tujuan beradab terhadap mushaf Al-Quran.<br>- Kerana ia adalah kalam Allah SWT<br>- Ia adalah panduan hidup manusia<br>- Ia bukan dikarang oleh manusia. |

| | |
|---|---|
| c) | Dua perkara yang menyalahi adab terhadap mashaf al-Quran<br>- Berhadas kecil atau besar ketika memegang mashaf al-Quran<br>- Menyimpan mashaf al-Quran di tempat yang rendah seperti di atas lantai<br>- Menulis al-Quran dalam bentuk lembaga manusia |
| d) | Dua adab mencipta dan menjual seni khat al-Quran.<br>- Penjual dan pembeli khat al-Quran mestilah terdiri daripada orang Islam<br>- Meletakkan bahan-bahan seni khat ditempat yang tinggi<br>- Mesti teliti ketika menulis khat al-Quran |
| e) | Cara melupuskan al-Quran yang rosak atau sudah lama ialah:<br>Membakar dan menanam abunya di tempat yang tidak menjadi laluan orang ramai atau menghanyutkannya ke dalam sungai atau laut. |

<table>
<tr><th colspan="2">Wawasan Beribadat</th></tr>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Contoh Jawapan</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>Dua perbezaan antara ibadat dan adat:
<table>
<tr><th>Ibadat</th><th>Adat</th></tr>
<tr><td>Ditentukan oleh syariat</td><td>Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian manusia</td></tr>
<tr><td>Tidak boleh diubah suai</td><td>Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat</td></tr>
<tr><td>berdasarkan al-Quran dan Hadis</td><td>Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan Hadis dan ada yang bertentangan</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>b)</td><td>Adab beribadat yang diterima oleh Allah S.W.T.<br>- niat yang ikhlas kerana Allah<br>- beribadat mengikut cara yang ditetapkan oleh syarak<br>- melakukan ibadat dengan hati yang khusyuk<br>- melakukan ibadat dengan bersungguh-sungguh dan beretika</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| c) | Dua hikmah memelihara adab beribadah:<br>- Mendapat ketenangan jiwa.<br>- Meningkatkan prestasi keperibadian muslim.<br>- Mempertingkatkan keimanan kepada Allah.<br>- Mewujudkan masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab. |
| d) | Dua akibat meninggalkan adab beribadat..<br>- ibadat tidak sempurna.<br>- jauh daripada rahmat Allah SWT.<br>- tidak mendapat penghormatan masyarakat. |
| e) | Sebab yang menjadikan seseorang itu tidak beradab ketika beribadah ialah:<br>- Tidak mengetahui cara beribadat dengan betul.<br>- Tidak mempunyai ilmu dan malas mempelajarinya. |